2015 LAPORAN TAHUNAN

44 Tahun Membangun Legasi (1971 - 2015)

# ISI KANDUNGAN



*Secawan kopi sebelum memulakan tugas harian ...*












02. PERUTUSAN PENGARAH

03. PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA SHAH ALAM
-Perjalanan 44 tahun PPAS

19. SIAPA KAMI ?
-Ahli Lembaga Pengarah
-Kumpulan Pengurusan

26. MS ISO 9001:2008

29. KORPORAT & KUALITI

33. PENGURUSAN
-Pentadbiran
-Pembangunan
-Prestasi Kewangan

49. PEMBANGUNAN KOLEKSI
-Bahagian Pembangunan dan Pengurusan Koleksi
-Pendokumentasian

53. TEKNOLOGI
-Teknlogi Maklumat
-Pengurusan Media

57. PERKHIDMATAN PELANGGAN PERPUSTAKAAN
-Perkhidmatan Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam
-Perkhidmatan Rujukan dan Penyelidikan

69. PERKHIDMATAN RANGKAIAN

71. PENCAPAIAN STATISTIK

77. KALENDAR PERISTIWA 2015

87. SOROTAN MEDIA
-Akhbar
-Blog
-Instagram

101. KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN (KESUKA)




"Dalam meniti ilmu di arus kemodenan yang berteraskan sains dan teknologi, masyarakat zaman pascamerdeka kini haruslah sentiasa memelihara warisan bangsa dan berevolusi"



# PERUTUSAN PENGARAH

Alhamdulillah, marilah kita memanjat kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah kurnia dan hidayah-Nya kita diberikan kesempatan untuk meneruskan kehidupan dan menggalas segala tanggungjawab yang telah diamanahkan. Tahun 2015 telah berlalu dengan pelbagai peristiwa yang akan menjadi satu lipatan sejarah bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS). Terima kasih kepada seluruh warga PPAS yang telah melaksanakan tugas dengan baik, melaksanakan tanggungjawab dengan amanah serta jujur ke arah matlamat yang tinggi untuk pembangunan insan seluruh Negeri Selangor.

Pada tahun ini kita menerima kunjungan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ke Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam. Baginda telah menyumbangkan sebanyak 38 lukisan sebagai pinjaman kepada perpustakaan ini, yang dipamerkan di setiap tingkat perpustakaan untuk tatapan para pengunjung.

Persepakatan pintar di antara PPAS dengan agensi kerajaan dan persatuan-persatuan bukan kerajaan (NGO) juga telah diteruskan pada tahun ini dalam bentuk penganjuran program-program di Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam seperti Tilawah Al Quran Braille Peringkat Kebangsaan Kali Kedua, program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit (*Let's Read Together for 10 Minutes*), Malaysia Ngaji 2015, dan Seminar Sejarah Lisan: Warisan dan Budaya Malaysia 2015.

Oleh itu di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada warga kerja PPAS yang telah sama-sama bertungkus-lumus menjalankan peranan dan tanggungjawab masing-masing, serta kepada semua pihak yang bekerjasama dalam menjayakan pelbagai penganjuran program dan aktiviti. Saya juga menyusun jari memohon maaf sekiranya terdapat sebarang kekurangan dan kelemahan dari pihak pengurusan PPAS dalam melaksanakan segala perancangan bagi tahun 2015.

Selamat Maju Jaya. Sekian, terima kasih.

**Hajah Mastura binti Haji Muhamad,** S.I.S.
**Pengarah**
**Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor**

# PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA SHAH ALAM



## PENCAPAIAN OPERASI PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA TAHUN 2015

Sebagai satu agen pembangunan legasi masyarakat berilmu untuk rakyat negeri Selangor khususnya, tanggungjawab utama Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam adalah untuk memastikan ianya menjadi tumpuan utama para pencinta ilmu, pelajar, penyelidik dan masyarakat untuk mencari maklumat dan sumber ilmu pengetahuan.

Sepanjang tahun ini, seramai **10,360 peserta lawatan** telah memilih perpustakaan sebagai lokasi pilihan dan penandaarasan bagi jabatan luar.

**Sumbangan bahan perpustakaan** daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor dan Yang Mulia Tengku Zatasha telah mendorong jabatan luar dan orang perseorangan untuk turut serta menjadi sebahagian penyumbang koleksi bahan perpustakaan.

Waktu operasi yang dilanjutkan ke jam 7.00 petang dan 9.00 malam pada hujung minggu telah mencatatkan jumlah pengunjung seramai **696,083 orang**. Sambutan yang amat menggalakkan daripada pengunjung terutama di kalangan ibu bapa yang membawa anak-anak kecil mengenali perpustakaan dan seramai **485,299 orang** telah direkodkan bagi kunjungan hari Sabtu dan Ahad.



*Keberangkatan tiba DYMM Sultan Selangor ke Majlis Perasmian Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam pada 10 Disember 2011*





*Penyerahan buku - buku DYMM Sultan Selangor kepada Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam pada 10 Disember 2011*



*DYMM Sultan Selangor bersama Dato' Menteri Besar Selangor dan Puan Hajah Mastura menyaksikan Orang Kelainan Upaya (OKU) bermain catur braille.*



*Majlis Penyerahan Buku sumbangan daripada Lembaga Zakat Selangor, Worldwide Holdings Berhad dan Yayasan Al - Bukhary*



Kempen keahlian yang diadakan pada tahun ini telah berjaya menarik seramai **16,116 orang mendaftar** sebagai ahli baru Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam. Kelebihan menjadi ahli memberi kelebihan kepada pengguna untuk menggunakan kemudahan lain yang disediakan.

Pertambahan kadar pinjaman sebanyak 10 naskhah buku setiap ahli telah memberikan kelebihan kepada pengguna dan **168,845 naskhah** telah dipinjam oleh pengguna sekitar Shah Alam.

Perkhidmatan buggy sebanyak 2 unit yang disediakan bagi memudahkan mobilasi pengguna dari lokasi tempat letak kenderaan ke perpustakaan dan merekodkan **16,226 pengguna.**

Tahun 2015 merupakan tahun yang penuh mencabar bagi Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam untuk melaksanakan peranan ini. **Pelbagai perancangan dan aktiviti** telah dilaksanakan dengan baik dan memenuhi keperluan pengguna khususnya.







**APRIL – 23 April** : **Program *Let's Read Together for 10 Minutes*** telah berjaya dilaksanakan dan mencatatkan lebih **638,776 peserta.** Program ini dijalankan serentak di seluruh pusat perkhidmatan perpustakaan bermula jam **10.00 pagi sehingga 10.10 pagi.**






**MEI – 19 Mei** : **Kunjungan oleh DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj** pada 19 Mei 2015 bagi menyumbangkan 38 buah lukisan Tuanku untuk dipamerkan di Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam telah menceriakan lagi ruang dalaman perpustakaan. Lukisan yang dipamerkan amat bermutu tinggi dan secara tak langsung pengguna dapat menghayati maksud yang ingin disampaikan dan dikongsi oleh Tuanku.









**JUN – 6 Jun** : **Tilawah Braille** peringkat Kebangsaan telah diadakan di ruang santai perpustakaan. Ini merupakan program kerjasama bersama Persatuan KL Braille dan mengumpulkan 177 tetamu. Program ini merupakan aktiviti yang khusus tertumpu kepada golongan orang kelainan upaya ( kurang upaya penglihatan)




**JULAI – 10&11 Julai** : **#MalaysiaNgaji** buat julung kalinya dijalankan bertujuan menarik lebih ramai umat Islam mendekati, memahami dan mempelajari Al-Quran sebagai pegangan hidup. Program ini khusus diadakan pada bulan Ramadhan di mana, pengguna digalakkan untuk membaca dan mentadabbur al-Quran di antara 12.00 tengahari – 1.00 petang. Penceramah Nouman Ali Khan dan Bachtiar Nasir telah dijemput menjadi tetamu jemputan khas






**OKTOBER – 24 Oktober** : **Lawatan INELI** dari *International Network Of Emerging Library Innovators (INELI) – Association Of Southeast Asian Nations ( ASEAN)* telah melakukan lawatan penanda aras bagi perpustakaan di negara mereka. Lawatan ini amat bermakna dan telah membuktikan Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam menjadi tumpuan pelawat negara luar sekali gus iaanya merupakan salah satu medium promosi kepada masyarakat di luar Malaysia dan Selangor khususnya.



**DISEMBER – 12 Disember** : **BBQ ( Baca, Bincang, Quran)** merupakan satu program **kolaborasi di antara Kumpulan Media Karangkraf dan Yayasan Warisan Ummah Islam** telah berjaya dilaksanakan di kafeteria. Pemilihan lokasi program telah memberikan kelainan dan suasana yang berbeza kepada 275 peserta. Perkongsian cerita ngaji daripada tetamu jemputan , Dato Rosyam Nor dan Visi Ngaji oleh **Dato' Dr. Haji Hussammuddin Yaacob** serta tadabbur Surah Al-Qamar ayat 17 telah merancakkan program ini.



**DISEMBER – 15 & 16 Disember** : **Seminar Sejarah Lisan** : Warisan dan budaya Malaysia 2015 telah berjaya mengumpulkan pencinta warisan, sejarah dan budaya Malaysia sepanjang 2 hari penganjurannya. Seminar ini mengupas pendudukan Jepun dari konflik kaum di Tanah Melayu, Harta, warisan masjid pra-merdeka di semenanjung Malaysia dan kehadiran tetamu istimewa, Dato' Mochtar Baginda bagi Majlis Pengkisahan Sejarah Di Sebalik Rundingan Damai Hatyai.Seminar ini telah berjaya membuka minda golongan muda untuk mendalami sejarah, menghayati kisah yang tidak pernah diperdengarkan dan kepentingan dalam memelihara nilainya.







## LATAR BELAKANG

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) telah ditubuhkan melalui enakmen Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor 1968 dan diwartakan dalam Warta Kerajaan No. 5, bertarikh 27 Mac 1969, Warta Kerajaan No. 7, 1975 (pindaan) serta Warta Kerajaan No. 29, 2011 (pindaan). Pada tahun 1971, bermula dengan pengambilalihan Kelab Buku Kuala Lumpur pada 20 Oktober untuk dijadikan sebagai Ibu Pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

## PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA

Perpustakaan ini kemudian berpindah ke Shah Alam pada 16 November 1986 dan diberi nama Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam . Reka bentuk bangunan perpustakaan negeri ini adalah bercirikan kebudayaan Bugis, manakala rekabentuk dalaman merupakan pertembungan budaya Timur dan Barat. Bangunan ini mengandungi enam tingkat dan mempunyai keluasan 102,545 kaki persegi di mana 40,420 kaki persegi adalah ruang bacaan yang dianggarkan dapat menampung seramai lebih 1,000 orang pembaca pada satu-satu masa. Rak-rak pula dapat menempatkan 250,000 naskhah buku.

Perpustakaan ini dibuka kepada orang ramai pada 18 April 1987 dan telah dibuka dengan rasminya pada 15 Mac 1988 oleh Almarhum Tuanku Salahuddin Abdul Aziz Shah ibni Almarhum Sultan Hisamuddin Alam Shah. Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam merupakan sebuah perpustakaan negeri yang juga menjadi ibu pejabat bagi Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.



Ibu pejabat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah berpindah sekali lagi ke bangunan baru bertempat di Seksyen 13. Perpustakaan ini merupakan hadiah daripada Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj, Sultan Selangor kepada rakyat Selangor sempena pengisytiharan **"Selangor Maju 2005".** Pelancaran tapak perpustakaan ini telah disempurnakan pada 27 Ogos 2005 sebagai mercu tanda Selangor Maju 2005. Perpindahan ke bangunan baru Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam bermula dari 15 April 2011 manakala perkhidmatan perpustakaan ini dibuka secara rasmi kepada orang ramai pada **22 Julai 2011** dan dirasmikan pada 10 Disember 2011 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah.





*Pelancaran tapak Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam pada 27 Ogos 2005*





Keistimewaan Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam ini adalah ia dilengkapi dengan kemudahan yang memenuhi keperluan setiap golongan pengguna seperti **Bahagian Kanak-Kanak**. Bahagian yang terletak di sayap kanan tingkat bawah ini dikhaskan untuk pengguna kanak-kanak di bawah umur 10 tahun. Selain pilihan luas buku kanak-kanak yang boleh dipinjam, terdapat pelbagai kemudahan yang disediakan di pelbagai sudut menarik seperti *Reading Tree*, Zon Kreatif, Zon Siber dan Zon Interaktif. *Reading Tree* merupakan ruang berkonsep taman dalam perpustakaan untuk kanak-kanak membaca dalam suasana yang santai. Sebatang replika pokok besar dibina untuk menggamit kanak-kanak berehat dan membaca di bawahnya tanpa mengira apa jua cuaca di luar sana, dengan dikelilingi bahan bacaan di rak buku yang berwarna-warni.

**Zon Kreatif** dibangunkan untuk memudahkan penganjuran pelbagai aktiviti yang merangsang minda. Kemudahan pentas membolehkan kanak-kanak kanak-kanak menyertai aktiviti yang dijalankan setiap hujung minggu dan juga musim cuti sekolah seperti pertandingan mewarna, bercerita, senam ria, dan pertunjukan boneka.

















Berkonsepkan **"Perpustakaan Dalam Taman"**, bangunan perpustakaan setinggi 6 aras secara keseluruhan dan berkeluasan 203,600 kaki persegi (18,922 meter persegi) dan dapat memuatkan seramai **2,500 orang** serta **400,000 naskhah buku** pada satu-satu masa. Bercirikan konsep serba moden, lengkap dan koleksi terkini untuk kegunaan semua pengguna yang berkunjung.











**i-Step** merupakan satu tarikan utama di Zon Interaktif yang berupaya membangkitkan mood ceria kanak-kanak, di samping aplikasi komputer lain yang bercirikan teknologi interaktif.

**On Location Reporter,** aplikasi membina keyakinan diri untuk pengucapan awam dengan gaya seorang wartawan melaporkan secara lintas langsung.

Tanpa melupakan si cilik pintar yang gemar menjelajahi dunia Internet, **Zon Siber** menyediakan 8 komputer peribadi berasaskan Windows dan 8 komputer iMac. Perkhidmatan ini hanya mengenakan bayaran sebanyak RM1.00 sahaja untuk penggunaan selama 1 jam bagi setiap komputer.

**X-box** merupakan simulasi permainan komputer yang merangsang pemikiran strategik di kalangan kanak-kanak. Pengguna boleh memilih permainan yang mereka sukai seperti tenis, badminton, golf dan boling. Setiap pengguna diberi had masa tertentu bagi menggunakan kemudahan ini.





**Rumah Ngaji@PPAS** berada di tingkat 2 adalah satu inisiatif yang dimulakan oleh pihak Karangkraf, Warisan Ummah Ikhlas dan Akademi Sinergi Ikhlas. Rumah Ngaji@PPAS adalah projek kerjasama antara PPAS dan Karangkraf, dimana satu sudut disediakan dengan pelbagai jenis Al Quran termasuk terjemahan dan digital untuk kegunaan pengguna. Sekiranya mereka ingin belajar dengan lebih mendalam lagi, PPAS dengan kerjasama Warisan Ummah Ikhlas dan Akademi Sinergi Ikhlas akan menyediakan kelas untuk pelbagai peringkat. Ini merupakan projek sulung bersama Karangkraf dalam membina budaya baca dan faham Al Quran serta mengamalkan secara terus yang dikenali sebagai B.B.Q (Baca Bincang Quran).

Di Rumah Ngaji@PPAS, pelajar akan didedahkan dengan makhraj huruf sebelum mendalami hukum-hukum tajwid lain seperti hukum nun sukun dan tanwin, hukum mim sukun, idgham, mad, qolqolah dan sebagainya. Untuk kedua-dua kelas asas dan tajwid, pelajar akan diberi pemahaman dan pengukuhan melalui komunikasi dua hala antara pelajar dan tenaga pelajar.





## Bahagian Koleksi Umum

Koleksi umum untuk golongan dewasa meliputi buku-buku fiksyen dan bukan fiksyen. Di antaranya ialah novel, ensiklopedia, buku-buku motivasi, dan koleksi peperiksaan (berada di Tingkat 1,2 dan 3). Buku-buku ini boleh terus diakses sendiri oleh pelanggan perpustakaan. Koleksi umum meliputi subjek teknologi & sains gunaan, seni & rekreasi, sastera, sejarah, geografi dan biografi, sains, komputer, maklumat dan umum, falsafah, psikologi, agama, sains sosial, bahasa, dan matematik.

Koleksi perpustakaan disusun mengikut pengkelasan *Dewey Decimal Classification* (DDC), dan boleh dipinjam oleh pelanggan perpustakaan yang berdaftar. Setiap ahli dibenarkan untuk meminjam sebanyak sepuluh (10) naskhah buku untuk tempoh selama tiga (3) minggu.











## Bahagian Rujukan

Bahagian Rujukan berada di Tingkat 4 dan menempatkan koleksi ilmiah dan buku-buku bukan fiksyen yang digunakan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan sahaja. Koleksi ini menempatkan bahan-bahan rujukan dari pelbagai bidang dan mempunyai awalan"R" pada label tetulang buku berkenaan. Koleksi yang disediakan di bahagian ini meliputi koleksi rujukan umum, koleksi bahan akta, undang-undang kerajaan Malaysia dan kanun.

Koleksi Akses Terhad terdiri daripada bahan cetakan terhad dan tidak akan diulang cetak, buku-buku yang mempunyai ilustrasi yang mahal dan mempunyai maklumat yang berharga serta bahan yang memerlukan penjagaan rapi bagi mengelakkan berlakunya kehilangan maklumat. Koleksi ini terdiri daripada buku, koleksi jabatan, jurnal dan tesis.

Koleksi nadir umum merupakan koleksi buku yang berharga, jarang ditemui, amat bernilai dan sukar diperolehi di pasaran. Biasanya diperolehi dengan harga yang tinggi.

Koleksi Negeri Selangor yang ditempatkan di **Selangor Info Hub** merangkumi semua sumber perpustakaan mengenai negeri Selangor yang diterbitkan di dalam dan di luar Malaysia, dan/atau yang dihasilkan oleh warganegara Malaysia tanpa mengira bentuk, bahasa, skrip mahupun tarikh dihasilkan. Koleksi ini mestilah mengandungi perkara-perkara yang berkaitan dengan Selangor dan mempunyai nilai-nilai kebangsaan. Antara bahan yang ditempatkan di koleksi ini ialah, buku, kertas kerja / kertas seminar, tesis berkaitan dengan negeri Selangor, pakej informasi, jurnal, peta, laporan jabatan-jabatan negeri Selangor dan lain-lain.



Koleksi Diraja Negeri Selangor meliputi hasil karya bercetak dan bukan bercetak mengenai salasilah Kesultanan Negeri Selangor termasuklah Sultan dan Sultanah Negeri Selangor, Tengku Mahkota dan kerabat Diraja yang lain. Antara bahan yang ditempatkan di sini ialah Koleksi Gambar Diraja, potret Diraja, buku, aturcara Diraja dan cenderamata.



Di PPAS, terdapat **2 pangkalan data** iaitu:

**LawNet**: mengandungi akta, undang-undang, ordinan, rang undang-undang dan sebagainya.

**Portal UDL Pro**: Mengandungi bahan maklumat ilmiah dan penyelidikan seperti tesis, disertasi, jurnal dan buku.



Rak buku di ***Book Wall*** mempamerkan buku-buku terpilih secara susunan menghadap depan, mirip aplikasi rak buku elektronik dan juga seperti rak buku maya di portal pencinta buku Shelfari. Dengan susunan sedemikian, rak *Book Wall* boleh memuatkan kira-kira 1,500 naskhah buku. Manakala jika buku disusun secara biasa (tetulang buku di sebelah hadapan), sekitar **10-12 ribu naskhah buku** boleh dimuatkan.

Book Wall ini dibahagikan kepada **empat tema** di empat tingkat:

- **Angkasa Lepas di Tingkat 4,**
- **Bumi di Tingkat 3,**
- **Lautan di Tingkat 2, dan**
- **Anatomi Manusia di Tingkat 1.**

Walaupun tidak kesemua buku yang dipaparkan di *Book Wall* ini boleh dipinjam keluar, pengguna perpustakaan masih boleh membacanya di ruang bacaan yang disediakan di setiap tingkat. Ada yang memilih untuk duduk atau berdiri sebentar di lorong *Book Wall*, ada yang lebih selesa membaca di deretan sofa warna hijau zaitun yang teratur di pinggir atrium, atau terus khusyuk 'ditelan dunia buku' di set sofa ala lobi hotel yang menghadap pemandangan hijau yang melingkari tasik perpustakaan.





Memahami keperluan para pelajar yang memerlukan ruang khas untuk perbincangan secara berkumpulan, setiap tingkat di sayap kiri Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam dilengkapi dengan **bilik-bilik perbincangan** yang berkapasiti antara 6-8 orang.









**Dewan Auditorium** di Tingkat 2, boleh memuatkan **200 orang** dalam satu-satu masa. Ianya turut dilengkapi projector LCD 15,000 AL, PA System, dan 2 unit skrin bersaiz 16' X 16' dan 20 X 20'. Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam turut dikelangkapi beberapa dewan yang boleh digunakan untuk majlis-majlis ilmu seperti seminar, bengkel dan ceramah, iaitu:

**Dewan Serbaguna** berkapasiti **150 orang di Tingkat 3;**

**Bilik Seminar** berkapasiti **100 orang di Tingkat 4;**

**Bilik Seminar** berkapasiti **50 orang di Tingkat 1;**

**Bilik Seminar** berkapasiti **60 orang di Tingkat Bawah 1 (Lower Ground);**

**Bilik Taklimat** berkapasiti **30 orang di Tingkat G;**

**Bilik Latihan** berkapasiti **50 orang di Tingkat 2**

**Bilik Mesyuarat utama** yang mampu memuatkan **40 orang** di samping bilik-bilik mesyuarat lain yang berkapasiti minimum **15 orang**.





**Gimnasium yang berkonsepkan *"Healthy Body, Healthy Mind"***, yang terletak di Tingkat Bawah 1, manakala gimnasium lelaki terletak di Tingkat 4 dan gimnasium wanita di tingkat 3. Perkhidmatan gimnasium telah dibuka kepada orang ramai pada 3 November 2011 dan kadar caj adalah sebanyak **RM 5** untuk setiap pengguna.












Ibarat perpustakaan dalam taman, **Laman Ilmu**, berlatar belakangkan kehijauan pokok bungaan asli, dengan udara segar dan persekitaran yang menyenangkan, dibina di anjung sayap kiri setiap tingkat.

Laman ini turut dilengkapi dengan meja dan kerusi untuk keselesaan pengunjung beristirehat, ianya amat sesuai untuk para pengguna yang gemarkan ruang bacaan atau ruang kerja secara terbuka serta terasing daripada ruang bacaan yang berhawa dingin.













**Teater XD** merupakan teater berteknologi 6D Motion Ride gabungan kesan khas pencahayaan, gegaran, angin, visual 3D dan bunyi. Perkhidmatan teater 6D telah dibuka kepada orang ramai pada 22 Julai 2011. Terdapat 8 unit kerusi 6D dengan empat pilihan filem pendek iaitu Canyon Coaster, Cosmic Coaster, Ravive Racer dan Haunted Mine. Kadar caj penggunaan ialah sebanyak **RM 10.60** (termasuk GST) untuk setiap tayangan dan setiap penonton.

**Teater Mini 3D** ini dapat memuatkan 30 orang dan merupakan bilik khas untuk tayangan filem yang berteknologi 3 dimensi, dilengkapi sofa dan kusyen empuk yang selesa bagi membangkitkan suasana seperti berada di rumah sendiri. Teater Mini 3D ini dibuka kepada orang ramai pada 28 Disember 2011 dan dikenakan caj sebanyak **RM 7.40** (termasuk GST) untuk setiap penonton.





**Kafetaria** yang dibina di luar bangunan perpustakaan ini membolehkan para pelanggan menikmati suasana nyaman tasik yang tenang. Kubah masjid negeri juga tampak sayup menambahkan nilai estetika pada keseluruhan kawasan persekitaran perpustakaan. Mengambil kira komposisi pelanggan perpustakaan yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan golongan, kafetaria ini menyediakan pelbagai pilihan makanan pada harga yang berpatutan.

Bagi keselesaan para pengunjung muslim dan muslimah, sebuah **surau utama** yang berkeluasan 1,091 kaki per segi disediakan di tingkat bawah 1 (*lower ground floor*). Di samping ruang mengambil wudhu dan bilik air, surau ini turut dilengkapi sistem siar raya bagi memudahkan penganjuran majlis-majlis ilmu.








# MENYUSURI JEJAK 44 TAHUN PPAS



**1972** KL Book Club Jalan Raja memulakan **perkhidmatan pinjaman buku** pada 28 Mei 1972







**1978**
Jumlah keahlian PPAS seramai **80,692 orang**

**1980**
Sebanyak **323,817 pinjaman buku** telah dipinjam menerusi perkhidmatan **Perpustakaan Bergerak**







**1988**
**Lawatan Diraja** oleh DYMM Sultan dan Sultanah Kelantan ke Perpustakaan Raja Tun Uda







**1974** Perpustakaan Kelang dibuka.



**1976** PPAS telah **menerima hadiah buku** yang disumbangkan oleh Pesuruhjaya Tinggi Australia Tuan Yang Terutama En. J.B. Feakes






**1986** Perpustakaan pusat **berpindah ke Shah Alam**









**1995** **Perpustakaan Desa Sg. Pelong dirasmikan** oleh YBhg. Puan Sri Asbi Rohani Asnan, isteri Menteri Besar Selangor



**1991** Majlis **Perasmian Perpustakaan Kuala Langat** oleh DYMM Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Al-Haj





**1998** **Perpustakaan Cawangan Ulu Langat berpindah** ke Bangunan Dato' Nazir, Kajang




## 2000
Sistem perpustakaan **berkomputer** di Bahagian Edaran dilancarkan pada 15 Julai 2000







## 2003
**Perasmian Galeri KESUKA** pada 23 September 2003

## 2005
**Majlis Pecah Tanah** Perpustakaan Negeri Selangor Maju 2005 oleh DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj pada 27 Ogos 2005








## 2009
Majlis Pelancaran **Penjenamaan Semula PPAS** pada 26 Mei 2009 oleh Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Tan Sri Dato' Abdul Khalid bin Ibrahim





## 2010
**Gerakan Membaca Perdana** Negeri Selangor berjaya menghimpunkan seramai **15,271 orang** membaca secara serentak di Taman Tasik Shah Alam dan dicatatkan dalam The Malaysia Book of Records.





## 2013
Majlis **Penyerahan Buku** sumbangan daripada **Lembaga Zakat Selangor, Worldwide Holdings Berhad dan Yayasan Al-Bukhary** yang disempurnakan oleh DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj pada 18 Julai 2013










**2001 Sambutan Ulangtahun** ke 30 PPAS di Hotel Concorde , Shah Alam pada 26 Oktober 2001

**2002 Majlis Perasmian Jejak IT**






**2006**
Majlis **Perasmian Perpustakaan Dataran Sabak Bernam** oleh Dato' Menteri Besar Selangor YAB Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo pada 30 Jun 2006









**2007**
Majlis **Pelancaran Broadband** oleh Dato' Menteri Besar Selangor YAB Dato' Seri Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo pada 28 September 2007






**2011**
Majlis **Perasmian Bangunan Baru** Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam yang disempurnakan oleh DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj pada 10 Disember 2011



**2012**
Majlis **Penyerahan Buku** sumbangan daripada **Thomson Reuters dan Majlis Agama Islam Selangor** yang disempurnakan oleh DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj pada 14 Ogos 2012





**2014**
Majlis **Penyerahan Buku** sumbangan oleh **Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM)** pada 13 Februari 2014 yang Disempurnakan oleh DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj





**2015**
**Lawatan kerja ( Sumbangan lukisan)** oleh DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj pada 19 Mei 2015

# SIAPAKAH KAMI ?






## AHLI-AHLI

**1) Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi**
Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

**2) Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman**
Y.B. Pegawai Kewangan Negeri Selangor Darul Ehsan

**3) Y.D.H. Dato' Haji Emran bin Haji Kadir**
Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling

**4) Encik Zainuren bin Hj. Mohd Nor**
Pengarah Jabatan Pelajaran Selangor

**5) Encik Kamaruddin bin Mat Nata**
Wakil Perpustakaan Negara Malaysia

**6) En. Kamal bin Sujak**
Wakil Persatuan Pustakawan Malaysia



## AHLI LEMBAGA PENGARAH

Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh 3 tahun dan bertanggungjawab bagi membincang dan meluluskan polisi, program dan aktiviti-aktiviti serta perbelanjaan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor. Pada tahun 2015, Mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak:

| BIL. | TARIKH |
|---|---|
| Bil. 1/2015 | 22/1/2015 |
| Bil. 2/2015 | 15/4/2015 |
| Bil. 3/2015 | 25/5/2015 |
| Bil. 4/2015 | 7/7/2015 |
| Bil. 5/2015 | 23/11/2015 |



Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik adalah:

**1. Pengerusi**
Y.B. Puan Dr. Hajah Halimah Binti Ali
ADUN Selat Klang

**2. Timbalan Pengerusi**
YBhg. Prof. Zainal Abidin bin Kidam

**3. Setiausaha**
Puan Hajah Mastura Binti Haji Muhamad
Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor

**7) Y.B. Puan Lee Kee Hiong**
ADUN Kuala Kubu Bharu

**8) Y.B. Tuan Rajiv a/l Risyakaran**
ADUN Bukit Gasing

**9) Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib**
ADUN Taman Templer

**10) Y.B. Tuan Idris bin Ahmad**
ADUN Ijok

**11) Encik Rahimi bin Md. Saad**
Pensyarah Universiti Malaya

**12) Puan Faridah binti Talib**
Ketua Timbalan Pustakawan Universiti Teknologi MARA (UiTM)

**13) Encik Mohd. Jamali bin Salamon**
Perunding Perpustakaan





## KUMPULAN PENGURUSAN

Kumpulan Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor adalah seperti berikut:




1. Pengarah
   **Puan Hajah Mastura Binti Haji Muhamad**
2. Timbalan Pengarah
   **Puan Suzliana Binti Abd Hamid**
3. Ketua Bahagian Khidmat Pengurusan
   **Encik Sarwani Bin Abd. Jalal**
4. Ketua Bahagian Perkhidmatan Perpustakaan Raja Tun Uda
   **Puan Nihayah Binti Ebni Hajar**
5. Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti
   **Cik Norhafidah Binti Ehawan**
6. Ketua Bahagian Gerakan Membaca
   **Encik Norkhairul Nizam Bin M. Sadon**
7. Ketua Bahagian Pendokumentasian
   **Puan Sabariah Binti Sayuti**



## AHLI LEMBAGA PENGARAH

**PENGARAH (S52)**
**PUAN HAJAH MASTURA BINTI HAJI MUHAMAD**

- BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN RAJA TUN UDA (S44)
  **PUAN NIHAYAH BINTI EBNI HAJAR**
- BAHAGIAN PERKHIDMATAN RANGKAIAN PERPUSTAKAAN (S41)
  **ENCIK ZAHIR BIN YAHAYA**
- BAHAGIAN GERAKAN MEMBACA (S41)
  **ENCIK NORKHAIRUL NIZAM BIN M. SADON**
- BAHAGIAN PENGURUSAN KOLEKSI (S48)
  **PUAN SUZLIANA BINTI ABD. HAMID**
  TIMBALAN PENGARAH
  - BAHAGIAN PEMBANGUNAN KOLEKSI
  - BAHAGIAN PENDOKUMENTASIAN (S41)
    **PUAN SABARIAH BINTI SAYUTI**
  - BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN RUJUKAN




i

8. Ketua Bahagian Perkhidmatan Rangkaian Perpustakaan
**Encik Zahir Bin Yahaya**

9. Ketua Bahagian Perancangan Dan Pembangunan
**Encik Norazhan Bin Sahlan**

10. Ketua Bahagian Pentadbiran Dan Sumber Manusia
**Encik Zainuddin Bin Tasiman**

11. Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
**Puan Haiziah Binti Abu**

12. Ketua Bahagian Korporat
**Encik Mohamed Fadzli Bin Mohd Fauzi**

13. Ketua Bahagian Kewangan Dan Penyelenggaraan
**Puan Roselin Binti A. Razak**



BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN PENGURUSAN ILMU (S41)
**PUAN HAIZIAH BINTI ABU**

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (S44)
**ENCIK SARWANI BIN ABD. JALAL**

BAHAGIAN PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA (N41)
**ENCIK ZAINUDDIN BIN TASIMAN**

BAHAGIAN KEWANGAN (W41)
**PUAN ROSELIN BINTI A. RAZAK**

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN (S41)
**ENCIK NORAZHAN BIN SAHLAN**

BAHAGIAN KORPORAT (S41)
**ENCIK MOHAMED FADZLI BIN MOHD FAUZI**

BAHAGIAN PENGURUSAN KUALITI (S44)
**CIK NORHAFIDAH BINTI EHAWAN**

IAN

N

# KORPORAT & KUALITI

PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM SELANGOR

**REKAAN LOGO** adalah imej unik yang berbentuk manusia yang sedang membaca di atas abjad **"A"**. Logo ini terbahagi kepada 4 warna

**Simbolik figura** yang diletakkan pada huruf "A" mewakili **orang awam atau ahli perpustakaan.**

**WARNA JINGGA** melambangkan kreativiti, kejayaan dan galakan

**WARNA COKLAT PUDAR** melambangkan persekitaran dunia ilmu

**WARNA BIRU FIRUS** melambangkan kebijaksanaan dan kearifan

**WARNA KELABU** melambangkan kekuatan dan kekuasaan

## MASKOT

**Aliff dan Anis**

Dari tahun 2009 - hingga kini

## TAGLINE

**PPAS Rumah Keduaku**
**PPAS My Second Home**



## VISI

Menjadi pusat pembelajaran sepanjang hayat yang dapat membina kekuatan spiritual, emosi dan intelektual

## MISI

Memperkaya dan memperkasa masyarakat melalui perkhidmatan perpustakaan yang relevan, mudah capai dan berkualiti tinggi.

Membangunkan prasarana perpustakaan yang lengkap, selesa, kondusif serta terkini bagi memenuhi keperluan masyarakat.

Merealisasikan sebuah pusat pengumpulan koleksi negeri.

Membantu Kerajaan Negeri menurunkan kadar jenayah dan gejala sosial.

## SLOGAN

**Selangkah ke Perpustakaan Sejuta Senyuman, Sekali Klik Sejuta Maklumat.**

## MATLAMAT

Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara Perpustakaan Awam Negeri dan perpustakaan-perpustakaan di Daerah.

Menyediakan prasarana bagi memudahkan masyarakat mendapatkan ilmu dan maklumat terkini.

Mengurangkan jurang digital diantara masyarakat bandar dan luar bandar.

Membudayakan masyarakat dengan budaya membaca.

Membantu merealisasikan agenda dan wawasan Kerajaan Negeri.

## OBJEKTIF

Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara perpustakaan awam negeri dan cawangan-cawangan perpustakaan di seluruh negeri.

Mengadakan dan menyelenggara Perpustakaan Bergerak dan Perpustakaan Desa.

Mengambil alih mana-mana perpustakaan yang ada di dalam negeri dengan persetujuan pentadbiran perpustakaan tersebut.

Mengembangkan dan menggalakkan bacaan khususnya dalam Bahasa Malaysia.





## PIAGAM PELANGGAN

1. Memproses permohonan **pendaftaran keahlian** perpustakaan dalam tempoh 2 jam

2. Memastikan urusan pinjaman bahan perpustakaan diselesaikan dalam **tempoh dua (2) minit** bagi setiap pelanggan kecuali waktu sesak.

3. Memberi **layanan secara profesional, prihatin, ceria dan efisien** kepada semua pelanggan.

4. Membangunkan sumber maklumat dan menyediakan **kemudahan capaian** (easy access) maklumat kepada pengguna.

5. Membina dan menyediakan kepelbagaian **format informasi** bagi memenuhi keperluan masyarakat.



## DASAR KUALITI

1. Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor beriltizam untuk menjadi sebuah perpustakaan awam yang **cemerlang dan bertaraf dunia** bagi memenuhi keperluan pelanggannya berdasarkan Sistem Pengurusan Kualiti **MS ISO 9001 : 2008.**

2. Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor sentiasa **komited dalam pembinaan koleksi dan kemudahan** perpustakaan yang lengkap bagi memenuhi kehendak pelanggannya secara **konsisten dan profesional.**

3. Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor juga akan berusaha melaksanakan **penambahbaikan berterusan** bagi memastikan keberkesanan Sistem Pengurusan Kualitinya





## LAGU PPAS

### PPAS Cemerlang

Selangkah ke Perpustakaan
Menuju Sejuta Pengetahuan
Jadi Amalan Hidup Kita
PPAS Berkhidmat

Menyahut Wawasan Negara
Ke Arah Masyarat Jaya
Nadi Penggerak Yang Utama
PPAS Bersedia

Bahan Bacaan Dan Rujukan
Menjurus Kefahaman
Maklumat Terkini Diperolehi
Dengan Adanya IT

Selangkah Ke Perpustakaan
Memberi Kematangan Minda
Nadi Penggerak Yang Utama
PPAS Berkhidmat

Bahan Bacaan Dan Rujukan
Menjurus Kefahaman
Melahirkan Generasi Gemilang
PPAS Cemerlang

## PERLAKSANAAN SISTEM KUALITI MS ISO 9001 : 2008

Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah berjaya melaksanakan sistem pengurusan berkualiti dan berpandukan piawaian antarabangsa **MS ISO 9001 : 2008** di **Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam, Perpustakaan Daerah Sabak Bernam, Sungai Besar dan Perpustakaan Daerah Hulu Langat, Bandar Baru Bangi.**

### AUDIT DALAMAN ISO 2015

| TARIKH | AUDIT BIL | PERPUSTAKAAN |
|---|---|---|
| 3/6/2015 -30/6/2015 | Bil. 1/2015 | Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam, Perpustakaan Daerah Hulu Langat |
| 16/11/2015 – 30/11/2015 | Bil. 2/2015 | Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam, Perpustakaan Daerah Sabak Bernam Sungai Besar |

## OBJEKTIF DAN SKOP PENILAIAN

Audit telah dijalankan bagi menilai keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti PPAS. **Skop audit adalah perkhidmatan kepada pelanggan perpustakaan.** Penilaian meliputi kakitangan, kawalan, aktiviti dan penambahbaikan dalam semua proses kerja.

### Audit dalam
### i) Bil 1/2015
### Pemerhatian Penambahbaikan yang dicadangkan:

| BAHAGIAN/PROSES |
|---|
| Kawalan rekod dan dokumen |
| Perpustakaan Daerah Hulu Langat |

### ii) Bil 2/2015
### Pemerhatian Penambahbaikan yang dicadangkan:

| BAHAGIAN/PROSES |
|---|
| Pembinaan Koleksi (Pemerhatian) |
| Kawalan rekod |
| Perpustakaan Daerah Sabak Bernam |

Pengurusan PPAS dan staf telah menunjukkan komitmen yang tinggi bagi mematuhi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008. Proses utama dalam penyediaan dan pemberian perkhidmatan telah dikenalpasti dan dilaksanakan dengan terkawal dan berkesan. **Pencapaian objektif kualiti** : Daripada **25 objektif kualiti, 23 telah mencapai sasaran, 2 tidak tercapai.**









## JAWATANKUASA SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Pengerusi
**Puan Hajah Mastura Binti Haji Muhamad**

Wakil Pengurusan
**Puan Suzliana Binti Abdul Hamid**

Timbalan Wakil Pengurusan
**Cik Norhafidah Binti Ehawan**

Ketua Audit Dalaman
**Puan Sabariah Binti Sayuti**

Timbalan Ketua Audit Kualiti Dalaman
**Encik Norkhairul Nizam Bin M. Sadon**

Pengurus Dokumen
**Cik Siti Mohairah Binti Yahaya**

Ahli Jawatankuasa
**Encik Sarwani Bin Abd Jalal**
**Encik Mohamed Fadzli Bin Mohd Fauzi**
**Encik Norazhan Bin Sahlan**
**Encik Zainuddin Bin Tasiman**
**Puan Haiziah Binti Abu**
**Encik Harun Bin Mohamad**
**Puan Mariyani Binti Yassee**



es
nalpasti

## OBJEKTIF DAN SKOP PENILAIAN

Audit telah dijalankan bagi menilai keberkesanan Sistem Pengurusan Kualiti PPAS. **Skop audit adalah perkhidmatan kepada pelanggan perpustakaan.** Penilaian meliputi kakitangan, kawalan, aktiviti dan penambahbaikan dalam semua proses kerja.

SALA
2 pag
delet



## Audit dalam

### i) Bil 1/2015

**Pemerhatian Penambahbaikan yang dicadangkan:**

| BAHAGIAN/PROSES |
| --- |
| Kawalan rekod dan dokumen |
| Perpustakaan Daerah Hulu Langat |


Audit dalam
i) Bil 1/2015
...an yang
Kawalan rekod dan dokumen
Perpustakaan Daerah Hulu Langat


### ii) Bil 2/2015

**Pemerhatian Penambahbaikan yang dicadangkan:**


ii) Bil 2/2015
Pemerhatian Penambahbaikan yang
dicadangkan
Pengurusan PPAS dan staf telah menunjukkan komitmen yang tinggi bagi


BAHAGIAN/PROSES

Perpustakaan Daerah Sabak Bernam

Pengurusan PPAS dan staf telah menunjukkan komitmen yang tinggi bagi mematuhi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008. Proses utama dalam penyediaan dan pemberian perkhidmatan telah dikenalpasti dan dilaksanakan dengan terkawal dan berkesan. **Pencapaian objektif kualiti** : Daripada **25 objektif kualiti, 23 telah mencapai sasaran, 2 tidak tercapai.**


Pengurusan PPAS dan staf telah menunjukkan komitmen yang tinggi bagi mematuhi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008. Proses utama dalam penyediaan dan pemberian perkhidmatan telah dikenalpasti dan dilaksanakan dengan terkawal dan berkesan. Pencapaian objektif kualiti : Daripada 25 objektif kualiti, 23 telah mencapai sasaran,










## JAWATANKUASA SISTEM PENGURUSAN KUALITI

Pengerusi
**Puan Hajah Mastura Binti Haji Muhamad**

Wakil Pengurusan
**Puan Suzana Binti Abdul Hamid**

Timbalan Wakil Pengurusan
**Cik Norhafidah Binti Ehawan**

Ketua Audit Dalaman
**Puan Sabariah Binti Sayuti**

Timbalan Ketua Audit Kualiti Dalaman
**Encik Norkhairol Nizam Bin M. Sadon**

Pengurus Dokumen
**Cik Siti Mohairah Yahaya**

Ahli Jawatankuasa
**Encik Sarwani Bin Abd Jalal**
**Encik Mohamed Fadzli Bin Mohd Fauzi**
**Encik Norazhan Bin Sahlan**
**Encik Zainuddin Bin Tasiman**
**Puan Haiziah Binti Abu**
**Encik Harun Bin Mohamad**
**Puan Mariyani Binti Yassee**





# KORPORAT & KUALITI

## Bahagian Korporat

Bertanggungjawab **mengendalikan promosi dan publisiti** bagi semua pusat perkhidmatan PPAS kepada masyarakat serta **meningkatkan imej PPAS** dan **menjalinkan hubungan baik di antara jabatan serta para media massa.**





## Hari Bertemu Pelanggan

Program Hari Bertemu Pelanggan berjaya diadakan sepanjang tahun sebagai satu platform hebahan kepada orang ramai melalui konsep **bertemu secara bersemuka** atau **komunikasi dua hala dengan wakil PPAS** untuk mengemukakan sebarang masalah, aduan dan pandangan.

Pada tahun 2015, Bahagian Korporat turun padang **mendekati pengguna** menerusi dua (2) program yang diadakan di **Aeon Kota Kemuning, Perpustakaan Daerah Hulu Langat.**

Pendekatan ini membolehkan PPAS mengambil tindakan serta-merta manakala bagi aduan yang memerlukan siasatan lanjut akan dipanjangkan kepada bahagian yang berkaitan untuk diselesaikan dengan kadar segera.














## Aduan Dan Cadangan Pelanggan

Bahagian Korporat sentiasa memberi perhatian untuk meningkatkan **kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan** dengan memberi tumpuan kepada perkhidmatan pelanggan. Oleh itu, **aduan dan pertanyaan** adalah maklumbalas ke arah penambahbaikan dan ini menunjukkan pengguna prihatin ke atas mutu perkhimatan yang disediakan oleh PPAS di semua pusat perkhidmatan perpustakaannya.

Sepanjang tahun 2015 , sebanyak **133 maklum balas pelanggan** telah diterima yang merangkumi pelbagai aduan dan cadangan daripada pengguna di seluruh pusat perkhidmatan PPAS melalui beberapa saluran iaitu borang maklum balas, email dan facebook.

**80.4 %** daripada aduan yang diterima **berjaya diberikan maklum balas** diberikan kepada pengadu dijawab dalam tempoh 14 hari bekerja.  Bagi Perpustakaan Raja Tun Uda Shah Alam, aduan yang tinggi daripada pengguna adalah berkaitan prasarana, suasana dan peraturan yang ditetapkan. Manakala bagi pusat perkhidmatan perpustakaan yang lain, aduan lebih tertumpu pada prasarana dan koleksi.

**32 penghargaan telah diterima** daripada pengunjung perpustakaan bagi keseluruhan pusat perkhidmatan PPAS.



## Indeks Kepuasan Pelanggan

Bagi tahun 2015, **indeks kepuasan pelanggan** bagi keseluruhan pusat perkhidmatan PPAS adalah di skala BAIK iaitu **3.08**. Indeks kepuasan ini diukur melalui borang maklum balas pelanggan yang disediakan di perpustakaan. Maklum balas ini meliputi **kualiti dan mutu perkhidmatan, kemudahan dan tatacara kerja kakitangan** dalam mengendalikan pengguna.

## Lawatan

Sepanjang tahun 2015, sebanyak

**227 jumlah lawatan**

yang telah dikendalikan dengan

**jumlah peserta seramai 10,360 peserta** daripada pelbagai organisasi swasta dan kerajaan.

CARTA PERBANDINGAN ADUAN DARI 5 TAHUN LEPAS



## Pengurusan Kualiti (5S)

Bahagian ini berperanan dalam **mewujudkan persekitaran dan tempat kerja yang kondusif dan mudah diselenggara** serta memupuk amalan budaya kerja berpasukan. Di samping itu, **peningkatan dan pembaikan yang berterusan** di dalam peningkatan kualiti organisasi amat ditekankan.

Sangat **memberi inspirasi kepada kami. Layanan yang baik.** Terima kasih atas penerimaan lawatan ini.

***Farah Izzati Ismail***
*Terengganu*










# PENGURUSAN

## A). BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

**Pengurusan sumber manusia yang cekap** adalah asas penting kepada **kekuatan dan kecemerlangan** sesebuah organisasi yang mantap dan serta dihormati.



Bagi tahun 2015, mesyuarat utama jabatan telah dilaksanakan seperti berikut:

| BIL | MESYUARAT | TARIKH MESYUARAT | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Mesyuarat Pengurusan | Bil. 1/15 27.2.2015 | Bil. 2/15 28.5.2015 | Bil. 3/15 17.9.2015 | Bil. 4/15 17.12.2015 |
| 2 | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JKKJITU) PPAS | Bil. 1/15 27/2/2015 | | Bil. 2/15 17/12/2015 | |
| 3 | Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) | Bil. 1/15 13.3.2015 | Bil. 2/15 28.5.2015 | Bil. 3/15 13.11.2015 | Bil. 4/15 22.12.2015 |
| 4 | Mesyuarat Kewangan (JPKA) | Bil. 1/15 27.2.2015 | Bil. 2/15 28.5.2015 | Bil. 3/15 17.9.2015 | Bil. 4/15 17.12.2015 |
| 5 | Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia | Bil. 1/15 27.3.2015 | Bil. 2/15 29.7.2015 | Bil. 3/15 29.9.2015 | Bil. 4/15 |
| 6 | Mesyuarat Pengurusan Aset | Bil. 1/15 27.2.2015 | Bil. 2/15 28.5.2015 | Bil. 3/15 17.9.2015 | Bil. 4/15 17.12.2015 |

## Pengurusan Kakitangan

Pada tahun 2015, kakitangan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor terdiri daripada **261 orang kakitangan.**

## Jumlah Kakitangan

| JAWATAN | JUMLAH KAKITANGAN |
|---|---|
| Tetap | 194 |
| Kontrak | 36 |
| Pekerja Sambilan Harian (PSH) | 31 |
| **Jumlah Besar** | **261 orang** |







## Latihan/Kursus/Seminar

Dalam memastikan pembentukan modal insan yang kreatif dan inovatif, PPAS tidak ketinggalan memastikan kakitangannya **mengikuti latihan, kursus dan seminar** samada di peringkat dalaman mahupun luaran. Ia amat penting dalam **mempertingkatkan prestasi, kualiti kerja, pengetahuan dan pembinaan jati diri** dalam menghasilkan perkhidmatan yang terbaik.

Sepanjang tahun 2015, Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah menghantar kakitangannya menyertai **128 kursus** yang terdiri daripada **40 kursus** dalaman dan **88 kursus** luaran untuk memantapkan lagi mutu kerja masing-masing.

Bagi tahun 2015, **98.7 % kakitangan** Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor telah **menghadiri 7 hari dan lebih kursus/latihan/seminar/persidangan/bengkel** sementara **1.3% tidak menghadiri kursus kerana masalah kesihatan.**











## Perjawatan Kenaikan Pangkat

i. **Puan Sharifah Nor Ashikin binti Syed Mohd Pisal**
Pen. Pustakawan S38

ii. **Puan Miskiah binti Sarbani**
Pembantu Perpustakaan S22

iii. **Puan Halimatus Sa'diah binti Abdullah**
Pembantu Perpustakaan S22

iv. **Puan Jisma binti Yahya**
Pembantu Perpustakaan S22

v. **Puan Zanariah binti Hussin**
Pembantu Perpustakaan S22

vi. **Puan Mariyani binti Yassee**
Pembantu Perpustakaan S22

